

'Tidak perlu ikut rentak mereka'

KUALA LUMPUR 8 Mac - Kerajaan tidak perlu terikut-ikut dengan rentak provokasi Korea Utara sebaliknya mendapatkan nasihat daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam menyelesaikan kemelut hubungan dua hala kedua-dua negara yang semakin tegang.

Timbalan Pengarah Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (Ikmas), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Profesor Dr. Suffian Jusoh** berkata, risiko Korea Utara melancarkan serangan ketenteraan terhadap Malaysia adalah rendah namun kerajaan tetap perlu berhati-hati dan tidak mengikut emosi dalam membuat keputusan.

"Jangan ikut rentak mereka kerana kita perlu sedar, kita bukan berurusan dengan 'negara normal' yang lain.

"Tunjukkan kepada mereka bagaimana cara kita menyelesaikan perkara ini dan biar mereka yang masuk ke dalam 'permainan' kita. Jangan terburu-buru lebih-lebih lagi melibatkan hubungan diplomatik," katanya ketika dihubungi

Utusan Malaysia di sini hari ini.

Beliau mengulas keputusan kerajaan menghalang kakitangan Kedutaan Korea Utara di sini daripada meninggalkan negara ini selepas Pyongyang bertindak menahan 11 rakyat Malaysia di sana berikutan isu siasatan kes kematian Kim Jong-nam, abang pemimpin tertinggi republik itu yang dipercayai dibunuh.

Tambah Suffian, beliau yakin penahanan rakyat Malaysia buat masa ini adalah bersifat sementara kerana Korea Utara juga ingin menjamin keselamatan warganya yang masih ada di kedutaan di sini.

"Jika ingin menggunakan Konvensyen Vienna, akan ambil masa yang lama. Jadi kita perlu berunding kerana sebarang tindakan mengikut perasaan boleh mengeruhkan keadaan yang sudah sedia tegang dan mengancam rakyat kita di sana," katanya.

Sementara itu, pakar geostrategis, **Azmi Hassan** menjelaskan, apa jua keputusan yang diambil oleh kerajaan harus mengambil



SUFIAN JUSOH



AZMI HASSAN

Apa yang boleh dilakukan oleh

Malaysia?

- 1 Berunding secara **diplomasi**
- 2 Gunakan **Konvensyen Vienna**
- 3 Serahkan mayat **Kim Jong-nam**
- 4 Minta bantuan **China**
- 5 Minta bantuan **Rusia**
- 6 Minta bantuan **PBB**

kira kepentingan 11 rakyat Malaysia yang dijadikan 'tebusan' di Korea Utara.

"Penyerahan mayat sudah tidak menjadi isu kerana itu bukan tujuan penahanan rakyat kita di sana. Begitu juga dengan memutuskan hubungan diplomatik yang akan menyukarkan lagi keadaan untuk berunding.

"Apa yang perlu adalah pihak ketiga sebagai perantara dan Beijing dinilai sebagai calon terbaik ujarnya.